



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JALAN BAHARU DARI JAMBATAN BERTAM KE JALAN D235 GUA MUSANG SUDAH CAPAI 59.65% DAN DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA MAC 2025

GUA MUSANG, KELANTAN - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah mengadakan lawatan kerja memantau kemajuan fizikal projek pembinaan jalan baharu dari Jambatan Bertam ke Jalan Negeri D235 Gua Musang, Kelantan.

2. Tarikh milik tapak projek adalah pada 28 Mac 2022 dan sehingga 20 Julai 2024, projek ini berada ditahap 59.65% kemajuan fizikal dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2025. Kos kontrak asal projek ini adalah sebanyak RM9.039 juta.

3. Terdapat 22 unit struktur penempatan sedia ada yang berstatus **pendudukan tidak sah di atas tanah kerajaan** di sepanjang jajaran projek ini. Lawatan, pemeriksaan dan penilaian telah dibuat ke atas kesemua 22 struktur pendudukan tersebut di mana Notis Pindah/Pengosongan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Pejabat Tanah dan Galian).

4. Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMK) yang bersidang pada 24 Januari 2024 telah menyerahkan kepada pertimbangan Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) selaku pemilik projek ini berhubung tuntutan dari 22 unit struktur yang tidak sah tersebut. Sehubungan itu, Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang (PTJGM) telah memanjangkan permohonan tersebut kepada KKDW untuk pertimbangan seterusnya.

5. Projek ini merupakan kesinambungan kepada Projek Membina Jalan dan Jambatan dari Kampung Bertam Baru ke Kampung Bertam Lama, Gua Musang, Kelantan yang sebelum ini dipisahkan oleh Sungai Nenggiri. Agensi pelaksana projek jalan negeri ini ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Jajahan Gua Musang, Kelantan manakala rekabentuk oleh Cawangan Jalan JKR Malaysia.

6. Apabila siap kelak, jalan ini bakal meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar dan memudahkan pengeluaran dan pengedaran hasil pertanian ke pusat-pusat pemasaran dan perniagaan selain melengkapkan sistem rangkaian jalan yang menghubungkan kampung-kampung terdekat. Ini akan memberi manfaat kepada 5,000 orang penduduk kawasan tersebut.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang telah ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dan selari dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 OGOS 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ x KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA